

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI MUKHRIZ BIN TUN DR.  
MAHATHIR [ JERLUN ]**

**SOALAN : 315**

**Dato' Seri Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [ Jerlun ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perancangan Kerajaan bagi meningkatkan tahap keselamatan di pintu sempadan sekiranya ia beroperasi 24 jam mulai April ini :

- (a) adakah Kerajaan akan menambah jumlah petugas pemeriksaan dan keselamatan untuk mengawal sempadan? ; dan
- (b) adakah semua peralatan pemantauan termasuk kamera litar tertutup (CCTV) di sepanjang pagar sempadan di Bukit Kayu Hitam mencukupi untuk membanteras pencerobohan. Adakah peralatan sedia ada akan dinaik taraf, termasuk menyediakan kelengkapan alat imbasan berteknologi terkini .

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab **soalan (a)**, Pada dasarnya, Kerajaan telah meluluskan sejumlah 149 perjawatan baru bagi Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk mengawal sempadan negara di Bukit Kayu Hitam, Kedah apabila pintu sempadan mula beroperasi selama 24 jam dijangka pada April 2019 nanti. Perjawatan yang diluluskan untuk fasa satu sebanyak 77 perjawatan dan fasa dua sebanyak 72 perjawatan.

Pada ketika ini sebuah balai polis baru telah pun beroperasi dengan kekuatan seorang Pegawai kanan dan 76 orang pegawai pangkat rendah. Perjawatan tambahan akan dipohon kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dalam tempoh yang terdekat ini.

Bagi menjawab **soalan (b)**, Kementerian Dalam Negeri telah menjalankan kajian untuk menambahbaik kamera litar tertutup (CCTV) yang sedia ada dan juga menambahkan lagi bilangan CCTV di tempat-tempat yang strategik di sempadan negara sebagai usaha untuk mencegah penyeludupan dan pencerobohan.